

Headline **Penghidap HIV boleh berkahwin: Pakar**  
Date **22 Aug 2010**  
MediaTitle **Sinar Harian (Pahang)**  
Section **NEWS**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **60,000 /**

Language **Malay**  
Page No **P13**  
Article Size **254 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
ADValue **1,397**  
PRValue **4,191**



# Penghidap HIV boleh berkahwin: **Pakar**

**P**akar Perunding Kanan Pediatrik dan Penyakit Berjangkit, Institut Pediatrik, Hospital Kuala Lumpur (HKL), Dr Kamarul Azhar Mohd Razali, berkata, kanak-kanak yang dijangkiti HIV apabila dewasa boleh mendirikan rumah tangga.

Namun, pasangannya perlu terlebih dahulu mengetahui status virus HIV dan mengambil langkah pencegahan seperti 'pre-marital counseling' dan 'testing'.

"Ibu yang mengidap HIV positif tidak semestinya melahirkan anak HIV. Untuk itu, semasa mengandung, ibu berkenaan perlu mendatangi klinik ante-natal dan mendapat kaunseling dan menjalani ujian saringan HIV. Jika didapati positif hasil ujian konfirmatori, ibu akan diberi rawatan bagi mencegah jangkitan pada janin dengan mengambil ubat yang disyorkan.

"Malah uri dalam kandungan juga menjadi *filter*, menapis virus HIV yang akan menyerang janin dalam kandungan," katanya.

Berdasarkan kajian, 25 hingga 30 peratus sahaja kemungkinan bayi akan mewarisi HIV daripada ibunya tanpa rawatan. Melalui rawatan, sewajarnya ibu mengandung, semasa proses kelahiran atau bayi dilahirkan, diberi ubat supaya penularan HIV kepada bayi dapat dikurangkan sehingga empat peratus.

## **JANGAN AMBIL DADAH, ALKOHOL**

Begitu pun, katanya, apabila meningkat remaja, pembawa HIV perlu menjadi orang yang bertanggungjawab dengan tidak melakukan hubungan seks rambang. Bagi remaja Islam beliau menasihati supaya berpuasa.

Katanya, penghidap HIV akan mengundang padah sekiranya mengambil minuman keras yang mengandungi alkohol, mengambil dadah seperti ganja (marijuana) dan kokain serta melakukan seks bebas dengan berbilang pasangan. Tindakan ini akan meningkatkan pembiakan virus HIV.

Kamarul yang berpengalaman 14 tahun dalam bidang Pediatrik Am dan 12 tahun penyakit berjangkit pediatrik berkata, jangka hayat atau usia bagi penghidap HIV ditentukan oleh Allah SWT dan masyarakat tidak boleh membuat andaian mengenainya.

Yang penting sekali mengutamakan kesihatan dan pemakanan ubat mengikut jadual ditetapkan.

"Salah seorang pesakit saya berusia 24 tahun, penghidap HIV sejak kecil lagi kini telah berjaya melanjutkan pengajian ke luar negara dan ramai lagi menjadi penuntut di kolej.

"Tidak timbul pesakit dan pembawa HIV perlu diasingkan daripada masyarakat, lagipun mereka boleh menceburi kerjaya sebagaimana kita semua lakukan," katanya.

Beliau tidak bersetuju dengan sebilangan masyarakat yang memandang negatif terhadap kanak-kanak HIV kerana mereka tidak berdosa. Menurutnya, HIV dipandang hina, dikenali penyakit sosial dan penyebabnya daripada pelacuran atau melalui alat suntikan penagih, sedangkan penyakit Hepatitis B seratus kali ganda lebih mudah dijangkiti berbanding HIV.

